



Novel **Nenek** karya Razali Endun.

Nenek cabar daya intelektual

» Kemenangan novel dalam HSPM 2014 berikutan keupayaan ungkap pelbagai isu politik sejagat, tanpa campur tangan luar

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Dakwaan novel *Nenek* karya penulis veteran, Razali Endun bahawa ia karya mudah dan tidak menepati kriteria pengiktirafan berprestij tinggi seperti Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 2014 melingkari Forum Novel dan Pembangunan: *Bicara Novel Nenek* di Madrasah Tarbiyah, Kampung Banda Dalam, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pada acara itu, ahli akademik, Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi, paling mendapat perhatian kerana beliau turut terbahit sebagai penilai HSPM 2014, sekali gus mengambil peluang menjawab pertikaian terhadap penilaian novel berkenaan.

"Walaupun bertindak sebagai ahli panel penilai pada HSPM 2014, pada sesi forum ini saya tidak bercakap atas tiket berkenaan, tetapi selaku ahli akademik bebas.

"Saya tertarik dengan persepsi ramai apabila ada yang mengatakan karya Razali ini agak mudah, sekali gus mengingatkan saya kepada kontroversi hampir sama melanda pemenang Hadiah Nobel Kesusasteraan 2012, Mo Yan.

"Menerusi laporan yang dikeluarkan oleh sidang panel antaranya memetik karya Mo Yan lebih mudah difahami dan dihayati, selain banyak menyentuh hal sejarah serta tradisi masyarakat berbanding novel lain," katanya pada acara anjuran Seniman Paksi Rakyat (PAKSI) dengan kerjasama Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

Situasi serupa Hadiah Nobel

Awang Azman berkata, karya sastera tempatan turut berdepan dengan situasi sama seperti Mo Yan, bukan saja bagi novel *Nenek*,

“Bagi novel *Nenek*, saya melihat ia sebagai novel patriotik yang mengungkapkan pelbagai isu realiti masyarakat yang tidak hanya berlaku di negara kita, bahkan seluruh dunia seperti permainan politik dan menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat dengan amanah”

Prof Madya Dr Awang Azman,
Ahli akademik

bahkan karya hebat Sasterawan Negara (SN) pernah terheret sama.

"Saya ingin berkongsi cara HSPM berfungsi, iaitu panel mempunyai kriteria tertentu yang tidak hanya pada aspek estetika bahasa, nilai dan gagasan pemikiran semata-mata, bahkan bagaimana sesebuah novel mampu mencabar daya intelektual pembaca.

"Bagi novel *Nenek*, saya melihat ia sebagai novel patriotik yang mengungkapkan pelbagai isu realiti masyarakat yang tidak hanya berlaku di negara kita, bahkan seluruh dunia seperti permainan politik dan menunaikan tanggungjawab rakyat dengan amanah.

"Dalam konteks Malaysia, ada beberapa novel selain *Nenek* yang boleh dianggap menarik dan

banyak pengisiannya serta boleh dianggap karya agung moden termasuk *Naratif Ogoshoto* oleh SN, *Datuk Dr Anwar Ridhwan* dan *Ahli Politik* karya SM Zakir.

Semula jadi, lebih lancar

"Cuma jika dibandingkan dengan *Nenek*, ahli politik agak berbelit sehingga terasa seperti sengaja ditokok-tambah, manakala karya Razali bersifat semula jadi sehingga realiti sosial dapat diungkapkan lebih lancar," katanya pada acara yang turut dihadiri Pengarah Urusan ITBM, Mohd Khair Ngadiron dan Razali.

Sementara itu, aktivis sastera veteran, Che Shamsudin Othman atau lebih dikenali sebagai Dinsman menganggap kemenangan novel *Nenek* di luar dugaan walaupun mengakui ia sebagai antara novel penting yang dilahirkan beberapa tahun kebelakangan ini.

"*Nenek* ialah novel terbaik karya Razali setakat ini walaupun ia tidak kompleks seperti *Salina* atau *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur*, mahupun beberapa novel besar lain, ia membicarakan masalah zamannya.

"Jalan ceritanya diakui tiada teknik imbas semula ke depan atau belakang, namun isu cengkaman kapitalisme yang menghakis nilai tradisi disusun dengan baik.

"Saya tidak lihat ia sebagai novel yang mengangkat hak Melayu, tetapi menyorot hal kemanusiaan yang tidak mengira apa juga bangsa," katanya.

Tiada campur tangan politik

Dalam sesi soal jawab, Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Che Abdullah Che Ya hadir pada sesi forum itu, turut memberi pencerahan ter-

hadap sesetengah dakwaan yang mengaitkan penilaian anugerah sastera dipengaruhi campur tangan politik.

"Sebagai ahli akademik yang pernah terbabit dalam proses penilaian HSPM, campur tangan politik langsung tidak terbabit dalam proses penilaian walaupun ada novel yang mengungkapkan sokongan kepada parti bukan pemerintah.

"Contohnya novel *Kawin-kawin* karya Allahyarham Azizi Abdullah pernah memenangi Hadiah Sako II walaupun ia jelas memihak kepada parti pembangkang, tetapi pengarangnya bijak menggunakan perlambangan dalam menyampaikan maknanya.

"Justeru, faktor isi karya itu bukan berorientasi arus perdana bukan penyebab ia tidak dipilih sebagai pemenang, tetapi ia kalah kerana mutu kandungannya," katanya.



Awang Azman (kiri) bersama Mohd Nasir (tengah) dan Dinsman bercakap pada forum *Bicara Novel, Nenek* di Madrasah Tarbiyah, kg Banda Dalam.